



PM di Genting Highlands

● PERDANA Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tiba di majlis jamuan malam Kelab Alumni Sekolah Perniagaan Harvard Cawangan Malaysia di Genting Highlands malam kelmarin.

Beliau diiringi oleh Presiden kelab tersebut, Puan Lillian Too.

Dalam majlis tersebut, Perdana Menteri selaku penaung kelab itu menyampaikan sijil kepada 76 peserta yang mengambil bahagian dalam kur-

sus Program Pembangunan Pengurusan Kanan anjuran kelab tersebut.

Dalam ucapannya, beliau mengesa para majikan agensi kerajaan dan swasta supaya meningkatkan kecekapan pekerja-pekerja mereka bagi menjamin daya pengeluaran yang lebih tinggi.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr. Siti Hasmah dan pegawai-pegawai kanan kerajaan dan firma swasta. — Gambar Berita Harian oleh Arif Azahari.